

Rizman bin Ruzaini,
Taman Permata 3,
43100 Sabak Bernam,
Selangor Darul Ehsan.

Guru Kelas Tingkatan 3 Zuhrah,
Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Mawar,
Sungai Air Tawar,
43100 Sabak Bernam,
Selangor Darul Ehsan.

10 JANUARI 2017

Tuan,

Tidak Hadir Ke Sekolah

Berhubung dengan perkara di atas, saya selaku bapa kepada Rozana binti Rizman, pelajar Tingkatan 3 Zuhrah ingin memaklumkan tuan bahawa anak saya tidak menghadiri persekolahan pada 17 Januari 2017.

2. Hal ini adalah kerana anak saya mengalami gangguan pernafasan berikutan penyakit asma yang dialami sejak kecil. Masalah ini telah menyebabkan anak saya terpaksa mendapatkan rawatan di hospital selama beberapa hari dan ianya telah berlanjutan sehingga tarikh tersebut.

3. Saya berharap pihak tuan dapat memahami masalah yang dihadapi anak saya. Untuk sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi saya di talian 014-812-5184.

Pertimbangan daripada pihak tuan amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

Rizman Ruzaini

.....
RIZMAN BIN RUZAINI